



FOREVER SABAH BERHAD

H30, Gaya Park,
Lorong Muntahan 1C,
Jalan Penampang, 88300
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: info@foreversabah.org
Tel/Fax: 088 710 708
www.foreversabah.org

Pensijilan *Jurisdictional* dan Pekebun Kecil Kelapa Sawit: Point ucapan/Ringkasan dari Report “Tahap Ketersediaan Pekebun Kecil Dalam Pelaksanaan Pensijilan RSPO di Sabah pada Tahun 2025”

Pensijilan *Jurisdictional* diinginkan oleh 2/3 pekebun kecil kelapa sawit yang telah dikaji kerana mereka percaya bahawa standard yang diperlukan oleh RSPO akan menambahbaik kerajaan, masyarakat dan produktiviti mereka.

Mereka tidak memahami sepenuhnya bagaimana pengguna global menuntut standard yang lebih tinggi, atau impak masa depan daripada pengembangan minyak kelapa sawit di Afrika dan Amerika Latin, dan bagaimana ini menjadikan Sabah bernilai, sebagai negeri pengeluar utama semasa (10%). Mereka juga tidak menyedari sekiranya semua minyak kelapa sawit di negeri Sabah disijilkan maka industri pemprosesan di Sabah akan mempunyai kelebihan dan peningkatan yang berdaya saing.

Tetapi apa yang mereka faham adalah pensijilan RSPO memerlukan penyelesaian kepada cabaran terbesar yang mereka hadapi iaitu kekurangan status kepemilikan tanah yang sah, produktiviti yang rendah, dan amalan yang membahayakan persekitaran dan kesihatan mereka.

Penemuan baru-baru ini yang dilaporkan daripada kerja lapangan yang telah dijalankan selama lebih setahun bersama pekebun kecil di kawasan TTBK adalah seperti berikut:

1. Pekebun kecil sawit kebanyakannya gagal keluar dari kepompong kemiskinan; mereka memperoleh purata pendapatan satu per tiga sehingga satu setengah daripada kelapa sawit tetapi pendapatan isi rumah hanya sekitar RM1500 / bulan.
 - a. Lebih 80% tanah mereka kini ditanam dengan kelapa sawit.
 - b. Purata hasil hanya 10tFFB / ha / thn (separuh daripada apa yang boleh dicapai).
 - c. FFB gred rendah sering dijual tanpa persaingan harga, jarak yang jauh, dan harga yang rendah.
 - d. Hanya 16% pekebun kecil masih menghasilkan makanan sendiri (mereka kini hanya membeli dan kebanyakannya diimport).
 - e. Mereka terlalu bergantung / tidak berdaya tahan: mereka sangat terbeban apabila hasil atau harga FFB jatuh.
2. Mencapai Pensijilan *Jurisdictional* dengan dasar-dasar semula kerajaan dapat menyelesaikan masalah:
 - a. Mendaftar dan bekerjasama dengan satu pertiga pengeluar yang tidak berdaftar dengan MPOB.
 - b. Pengubahsuaian latihan, bekalan benih dan input subsidi agar ia memenuhi keperluan sebenar petani dengan menyelaras pekebun kecil dan mendengar suara mereka. Latihan MPOB, pemberian baja, anak benih dan sokongan lain tidak terbukti berkesan (Jabatan Pertanian / agensi lain adalah lebih baik).
 - c. Pekebun kecil memerlukan ilmu pengetahuan dan penambahbaikan: menggunakan proses JC untuk menutup jurang hasil dengan memberi motivasi kepada sektor swasta dan masyarakat global untuk membantu.



FOREVER SABAH BERHAD

H30, Gaya Park,
Lorong Muntahan 1C,
Jalan Penampang, 88300
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: info@foreversabah.org
Tel/Fax: 088 710 708
www.foreversabah.org

- d. Jabatan Tanah & Ukur memproses tuntutan LA yang mana lebih 60% digunakan untuk menanam kelapa sawit. Petani yang mempunyai status pemilikan tanah yang sah memperoleh hasil yang lebih tinggi: walau hanya peningkatan 5% dalam penghasilan kelapa sawit, ia boleh menambah ekonomi negeri sehingga RM100 juta/tahun.
 - e. Melihat masalah-masalah lain mengenai kekurangan ketelusan & paksaan dalam usahasama (Joint ventures) dengan SLDB, MESEJ, Agropolitan, dan sebagainya, tamatkan amalan geran Komunal yang memerlukan JV (Joint Venture).
 - f. Uruskan dengan kadar yang segera dan adil; isu pertikaian (bilangan yang sederhana) dengan ladang komersil dan kes pencerobohan tanah di dalam Rizab Hutan / kawasan lain.
 - g. Mempelbagaikan pendapatan daripada kelapa sawit & menginspirasi belia untuk membangunkan ekonomi luar bandar.
3. Cabaran pekebun kecil untuk mencapai standard RSPO adalah cabaran yang dihadapi oleh Negeri Sabah:
- a. Kebergantungan kepada buruh yang tidak mempunyai dokumen, yang mana menyebabkan kesukaran untuk melatih & mengurus
 - b. Penggunaan haram bahan agrokimia terkawal, kegagalan untuk mematuhi prosedur keselamatan
 - c. Pembersihan tanah menggunakan api, menanam kelapa sawit di atas tanah gambut, membuka kawasan hutan sejak tahun 2005; konflik dengan hidupan liar
 - d. Degradasi kawasan tadahan air: banjir yang lebih teruk, masalah air minum dan kehilangan sumber ikan: kita boleh menggunakan rangka kerja Nilai Konservasi Tinggi Hutan untuk membantu menangani isu-isu ini
 - e. Pekebun Kecil menginginkan FPIC / *Sumuku*; mereka mendapati bahawa ia serasi dengan adat; FPIC di sekitar pengurusan kelapa sawit / tanah secara keseluruhan boleh memajukan Sabah / Malaysia untuk masa depan.